

## **Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang**

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang kita adakan pada sebelah pagi tadi kita telah membahaskan Tajuk Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya di Peringkat Jawatankuasa.

Maka bagi membolehkan kita meneruskan perbincangan kita di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya. Saya sekarang menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

### **Yang Berhormat Pengerusi:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi meneruskan pertimbangan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu.

Mesyuarat Jawatankuasa yang kita tangguhkan pada sebelah pagi tadi telah membahaskan dan membincangkan Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A-Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sebelum kita menyambung semula untuk kita membahaskan Tajuk yang berkenaan ini saya ingin sekali lagi memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk memberikan penerangan-penerangan lanjut terhadap

beberapa soalan yang telah ditimbulkan pada persidangan yang kita adakan pada sebelah pagi tadi. Silakan Yang Berhormat.

### **Yang Berhormat Menteri**

**Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih atas keizinan kaola menyambung dan menjawab beberapa soalan yang belum lagi sempurna kaola jawab pada pagi tadi.

Soalan pertama yang kaola ingin jawab ialah soalan daripada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Apakah kualiti insurans Lebu Raya yang baharu siap, Lebu Raya Telisai Lumut yang ada kerosakan? Bagi menjawabnya ialah memandangkan projek tersebut sebelum ini di bawah *BEDB* sekarang ini telah dipindahkan kepada *DARe*. Kaola perlu merujuk kepada pihak *DARe*. Bagaimana pun dari segi pengisian kontrak yang dibuat dengan kontraktor ada memasukan *condition* iaitu *defects liability period* selama 2 tahun dikenakan pada kontraktor bererti sebarang kerosakan akan dibaiki oleh pihak kontraktor.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon. Apakah strategi bagi memastikan projek-projek pembinaan mengikut piawaian dan tidak melanggar akta-akta Pembinaan?. Dari sudut alam sekitar seperti yang terkandung dalam Akta *DPMO*, ia mengandungi 2 elemen iaitu *environmental impact assessment* dan *pollution control*. Kawalan impak daripada kesan pencemaran dari aktiviti-aktiviti projek sama ada besar ataupun

kecil. Mana-mana projek pembangunan yang tersenarai dalam prosedur di bawah Akta *DPMO* 2016 adalah diperlukan untuk menghadapi *return of notification* yang termasuk penilaian impak-impak alam sekitar, pengurusan alam sekitar, pemantauan kualiti alam sekitar dan mitigasi impak-impak alam sekitar. Sememangnya sebelum projek dilaksanakan beberapa agensi akan menilai kesesuaian projek dari segi keselamatan impak alam sekitar dan sebagainya.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin iaitu permohonan pecah tanah dan bangun rumah yang memakan masa agak lama disebabkan tidak ada *access road*?. Permohonan pemecahan tanah dalam statistik pada masa ini iaitu pencapaian tekad pemedulian orang ramai (*TPOR*) bagi tahun 2016 seperti yang berikut:

1. Peringkat pertama mengeluarkan Sijil Pengesahan. Ini adalah statistik bagi seluruh negara iaitu 88% permohonan diproses dalam tempoh 14 hari bekerja seperti yang ditetapkan dalam *TPOR*. ;
2. Mengeluarkan Surat Kebenaran. Ini statistik bagi seluruh negara iaitu 92% diproses dalam tempoh 4 hari bekerja. Proses pemecahan tanah sememangnya memerlukan jalan masuk. Sekiranya tidak ada jalan masuk, tanah kerajaan dapat dipohonkan melalui Jabatan Tanah dan sekiranya tanah tersebut adalah *landlord* bererti tidak ada tanah

kerajaan untuk dipohon masuk di tempat itu kerana dikelilingi oleh mungkin tanah-tanah persendirian. Kebenaran daripada pihak pemilik-pemilik persendirian itu yang perlu diperolehi.

Permohonan bagi membina bangunan di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa berperanan mengeluarkan Surat Kebenaran Perancangan manakala *ABCi* berperanan mengeluarkan Surat Kebenaran Kemajuan. *TPOR* Jabatan Perancangan Bandar dan Desa ialah 14 hari kalendar. Manakala *TPOR* bagi *ABCi* 14 hari.

Dari segi statistik, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Daerah Brunei Muara pada masa ini menunjukkan pencapaian 72% menepati *TPOR* bagi tahun 2016 dan 100% bagi daerah-daerah lain.

Sementara itu pencapaian di *ABCi* ialah 96% untuk mengeluarkan kebenaran kemajuan dan 84% bagi mengeluarkan *occupation permit*. Bererti ada kelambatan-kelambatan terdapat di sana belum lagi 100%.

Jadi perkara-perkara ini akan diteliti sebagaimana pihak abis kaola di Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya akan dapat memperbaikinya di masa akan datang.

3. Mengenai soalan berhubung rumah-rumah di RPN Panchor Mengkubau yang masih terdapat rumah kosong

dan terbiar. Sebenarnya sebahagian besar rumah-rumah Rancangan Perumahan Negara sudah diserahkan. Seperti yang kaola terangkan pagi tadi ada sebahagiannya tidak ada peruntukan daripada kontrak jika ada kerosakan. Jadi menunggu diperbaiki dulu sebelum diperuntukkan kepada peserta-peserta Rancangan Perumahan Negara. Itu saja yang dapat kaola sampaikan buat masa ini. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Jadi untuk menyambung perbincangan kita. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan mengenai ke atas usaha yang telah dilaksanakan. Kaola ingin menyentuh mengenai 2 perkara iaitu:

1. Tajuk SK02A – Jabatan Kemajuan Perumahan, Kod Akaun 002/000 Pengurusan Projek dan Pembangunan Prasarana Kemudahan. Kaola menyambut baik usaha pihak kementerian mewujudkan *housing focus group* seperti yang diterangkan tadi. Kaola juga memohon maaf jika perkara ini ada dalam penilaian semula atau *review housing focus group* yang telah diwujudkan dan mohon izin jika

perkara ini dapat kaola jadikan cadangan jika sekiranya belum ada.

Menurut maklumat dari laman sesawang Kementerian Pembangunan Skim Perumahan disyaratkan untuk mereka yang berpendapatan berjumlah \$445.00 hingga \$3,030.00 sebulan. Kaola ingin mengetahui apakah nanti pilihan yang akan diberikan oleh pihak Jabatan Kemajuan perumahan untuk pemohon yang tidak mempunyai pendapatan tetap dalam lingkungan tersebut sama ada yang lebih rendah dari itu atau pendapatan yang tidak konsisten.

Seperti contoh yang kaola dapat fikirkan mereka yang bekerja sendiri yang tidak mempunyai pendapatan tetap mengikut rezeki pendapatan pekerjaan mereka, pasangan-pasangan muda yang belajar dan bekerja separuh masa, pemohon yang tidak mempunyai pasangan hidup sama ada pilihan sendiri atau berpisah dan mungkin mempunyai tanggungan seperti contoh ibu tunggal dan lain-lain lagi.

Apa yang dapat disarankan ialah mungkin melalui kaedah *PPP* yang dijalankan nanti ialah kos rumah yang lebih rendah dan bekerjasama dengan bantuan *NGO* serta pihak swasta.

2. SK03A – Jabatan Kerja Raya Kod Akaun 002/001 Pengurusan Jalan

Raya dan Kod Akaun Pengurusan Bekalan Air. Kaola ingin bertanya. Adakah pengurangan Peruntukan 2017/2018 ini, operasi pengurusan jalan raya dan bekalan air akan terjejas memandangkan projek pembangunan yang semakin rancak sekarang dengan penambahan kawasan-kawasan perumahan serta projek-projek pembangunan lain? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat atas soalan tadi.

1. Berhubung dengan isu mereka yang tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi atau tidak mempunyai pendapatan tetap untuk menyertai Skim Rancangan Perumahan Negara (RPN). Memang perkara ini termasuk dalam perkara yang dibincangkan di peringkat *housing focus group*. Ini cuma satu daripada berbagai-bagai perkara yang semua sekali dihubung kait dibincangkan secara menyeluruh.

Untuk mengongsikan saja sedikit Yang Berhormat Pengerusi. Salah satu skop yang ingin dipenuhi oleh *housing focus group* ialah menyelaraskan berbagai-bagai jenis skim yang terdapat pada masa ini bukan Rancangan Perumahan Negara (RPN) saja, ada juga penyediaan perumahan-perumahan kerajaan yang dikendalikan oleh pihak-pihak lain umpamanya Majlis Ugama Islam (MUIB) mungkin

yang berhubung kait dengan kerajaan juga Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Inilah yang dipastikan tidak bertindih-tindih penyeliaan perumahan ini dan nantinya keperluan untuk diselaraskan itu. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* belum lagi payu *discussiomnya*. Semua aspek akan dilihat untuk memastikan bahawa skim perumahan kerajaan kita tidak bertindih-tindih dan berkesinambungan untuk masa akan datang.

Berhubung isu kesinambungan itu, terima kasih atas cadangan bagi pembinaan rumah di *PPP*. Memang dalam program Jabatan Kemajuan Perumahan jua untuk melihat kaedah ini dan sangat perlu untuk kita memastikan bahawa kos-kos rumah yang dibangunkan itu dibuat dengan *cost effective* supaya untuk tujuan *sustainability* jangka panjang. *الْحَمْدُ لِلَّهِ* sedang dalam penelitian buat masa ini.

2. Berhubung dengan peruntukan bagi jalan raya dan bekalan air berkurangan. Adakah terjejas memandangkan kepesatan pembangunan negara? *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* perkara ini tidak akan terjejas tetapi kita memastikan:
  - i. Dari segi mengendalikan pemberian projek-projek itu adalah *cost effective* tidak membazir; dan

- ii. Memang seperti yang disentuh dari awal tadi adalah keutamaan-keutamaan. Apa yang penting perkara-perkara kritikal akan kita tangani sebaik-baiknya tapi kalau perkara yang kurang penting itu memang kurang keutamaannya bagi kita melaksanakan. Secara keseluruhannya **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** tidak akan terjejas. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** . Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** **الْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** Kaola hanya ingin berkongsi di bawah Tajuk SK02A – Jabatan Kemajuan Perumahan.

1. Pada waktu ini projek pembinaan perumahan negara telah dan sedang rancak dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, kaola amat menghargai jika sekiranya projek perumahan ini juga dilaratkan di Kampung Air pada masa mendatang di kawasan dan tapak-tapak rumah yang musnah akibat kebakaran seperti di Kampung Burung Pingai Air, Kampung Lurong Sikuna bagi membisaikan lagi suasana pemandangan Kampung Air seperti di Kampung Peramu, Mukim Peramu; dan
2. Kaola juga ingin berkongsi pandangan di bawah Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya. Pada awal tahun

1970-an pihak kerajaan membuat kajian untuk membuat jambatan dari Kampung Menunggol ke Kampung Putat tetapi sehingga sekarang belum ada ketetapan dari hasil kajian berkenaan. Sehubungan dengan itu, bagi pandangan kaola supaya penelitian dan kajian dapat dibuat semula serta diteruskan sehingga hasilnya benar-benar mencapai hasrat penduduk kampung berkenaan.

Dalam masa yang sama penaiktarafan dan penambahbaikan jalan raya *concrete* yang ada sekarang perlu juga diambil kira bagi melancarkan perhubungan dan memudahkan penduduk kampung berkenaan.

Dalam hal ini, kaola juga berpandangan ada baiknya perkhidmatan feri diadakan sebelum pembinaan jambatan dibuat atau dibina bagi memudahkan perhubungan dan seterusnya untuk meningkatkan taraf ekonomi, keselamatan, keamanan dan kesejahteraan penduduk kampung berkenaan. Dengan adanya perkhidmatan feri itu nanti ia akan menghindarkan penghijrahan beramai-ramai seperti yang terjadi di Kampung Baru-Baru yang hanya tinggal nama saja. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat atas soalan tadi.

1. Dapatkah Rancangan Perumahan Negara (RPN) dilaratkan ke Kampung Air? Masa ini belum ada rancangan tertentu untuk melaratkannya. Tetapi apa yang sudah berjalan pada masa ini, ada beberapa projek termasuk yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan. Projek yang dinamakan Pembisaian Kampung Air umpamanya. Perkara ini dapat dimasukkan dalam projek tersebut. Kalau rumah-rumah yang terdapat di Kampung Air sekarang ini keadaannya tidak berapa selesa dan selamat barangkali memerlukan tindakan pada masa hadapan.

Kita mahu mempertahankan Kampung Air sebagai satu tarikan bagi pelancong-pelancong. Tapi adakah dalam bentuk sekarang ini yang tidak berapa berdaya tahan usulnya tidak selamat dan bersih. Itu mungkin dapat difikirkan di peringkat projek Pembisaian Kampung Air nanti.

2. Kaola kurang pasti, adakah feri yang dicadangkan tadi?

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** Ya, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Perkara ini abiskaola perlu meneliti. Terima kasih atas saranan itu. Kaola tidak dapat menjawab ya atau tidak di peringkat ini. Jadi kaola memohon untuk menangguhkan perkara ini sebelum kaola menjawab. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

dan salam sejahtera. Kaola Yang Berhormat Pengerusi ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Kaola juga menyokong sepenuhnya bajet yang dicadangkan kepada Kementerian Pembangunan sebanyak \$203,429,240.00 di bawah Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A. Kaola ingin menyentuh Tajuk SK06A - Jabatan Tanah iaitu mengenai dengan projek Sengkurong *by pass*.

Perkara ini pernah kaola bawa semasa perjumpaan Sesi Muzakarah dengan Kementerian Pembangunan Yang Berhormat Pengerusi. Kaola belum begitu pasti akan kedudukan yang sebenarnya antaranya dinyatakan kemungkinan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat. Saya telah menyatakan awal-awal tadi bahawa perkara yang sudah dibincangkan dalam perjumpaan dengan kementerian berkenaan tidaklah lagi perlu untuk dibangkitkan dalam Majlis ini. Apakah ada lagi soalan lain Yang Berhormat suka untuk ditimbulkan dalam perkara yang sama?

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad:** Maksud kaola Yang Berhormat Pengerusi semasa perjumpaan itu jawapannya belum begitu jelas.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Jadi apakah maksud Yang Berhormat? Bagaimana caranya Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk menjelaskan perkara yang sama tentulah jawapannya akan diberi yang sama. Jadi kita tidak banyak masa untuk mengulang kembali perkara yang sudah disebut-sebut. Ada baiknya sekiranya kalau Yang Berhormat berpindah kepada soalan yang lain.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memohon maaf kerana perkara yang kaola hadapkan adalah perlu kerana sudah 20 tahun tidak dapat dilaksanakan Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai perkara-perkara di bawah Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan. Kaola difahamkan bahawa dalam mana-mana projek perumahan ada disediakan tapak-tapak tanah kemajuan seperti pembinaan masjid, sekolah dan tidak salah kaola ada jua untuk perniagaan Yang Berhormat Pengerusi. Sejauh ini adakah pernah mana-mana pihak diberi peluang untuk memajukan tanah-tanah yang dimaksudkan. Jika ada apakah syaratnya dan apakah konsep projek berkenaan?

Adakah tanah yang belum diusahakan akan diterapkan dalam projek *TPP* atau konsep lain yang tidak melibatkan bajet

kerajaan? Adalah diharapkan mana-mana juga projek itu nanti akan mengambil kira peluang perniagaan kepada orang-orang dan juga peluang pekerjaan kepada orang-orang kitani. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas pertanyaan tadi. Pertanyaan mengenai Sengkurong *by pass* itu kitani secara *bilateral* saja pasal sudah juga dibincangkan hari itu.

Mengenai kawasan Rancangan Perumahan Negara tapak komersial disediakan di kawasan-kawasan RPN dan buat pada masa ini kitani tidak mahu membuat atas sebab-sebab seperti yang pernah dijelaskan juga seperti di muzakarah yang lalu iaitu kalau kerajaan membuat struktur-struktur untuk komersial di tempat ini tidak semestinya memenuhi cita rasa selera peniaga-peniaga itu.

Jadi itulah kitani berasaskan pengalaman-pengalaman kitani setakat ini banyak isu yang kitani hadapi seperti tempatnya dibuat tapi akhirnya tidak ada orang mahu berniaga sebab tidak memenuhi keperluan mereka. Jadi dengan sendirinya tapak sahaja disediakan pada masa ini. Pada peringkat ini belum ada mana-mana tapak ini yang sudah ditawarkan kepada mana-mana pihak apa lagi yang sudah di *award* .

Cuma dari segi *progress* nya pihak *Darussalam Enterprise* sedang meneliti kesesuaian untuk perkara ini. *TPP*

umpamanya untuk tujuan membina *food court*. Inilah antara usaha yang sudah dibuat pada masa ini. Kalau ada sekiranya keperluan untuk aktiviti komersial yang lain serupa juga yang memang dapat dipertimbangkan.

Pada masa ini belum ada dibukakan dan masih lagi di peringkat awal penelitian untuk membuka perkara ini yang akan disertai oleh pihak swasta di negara ini. Memanglah tujuannya untuk kitani membuat semacam *formative action*. Bererti orang kitani yang kitani utamakan untuk mengendalikan perniagaan-perniagaan itu. Itu memang setentunya kitani akan membuat tekanan-tekanan yang sedemikian. Itu sahaja kali yang dapat kaola jelaskan pada masa ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Seterusnya dengan mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera. Kaola mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas mukadimah yang menyeluruh telah disampaikan dari Tajuk SK01A sehinggalah Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin membawakan Tajuk SK03A-Jabatan Kerja Raya. Bercakap mengenai kawasan saya Zon 1 Mukim Seria dan Mukim Liang Daerah Belait. Sukacita kaola untuk merujuk diambil tindakan mengenai

perkembangan perkara seperti yang berikut:

1. Di Mukim Liang antaranya terdapat 6 buah jambatan penghubung jalan raya yang penting melibatkan penggunaan menyeluruh, bukan sahaja untuk mukim atau Daerah Belait, malah salah satu jalan perhubungan penting sebelum adanya lebuh raya sekarang. Jambatan-jambatan tersebut sudah wujud sejak lebih 30 tahun yang lalu. Jambatan ini kelebarannya sama lebar jalan raya yang tidak ada bahu jalan yang memudahkan pejalan kaki yang melintasnya.

Ini amat membahayakan pejalan kaki atau yang berbasikal jika kebetulan bertembung dengan kereta yang sedang melintas di jambatan tersebut. Sekarang ini lalu lintas kenderaan semakin banyak dibandingkan sejak 30 tahun yang lalu di jambatan tersebut. Jambatan-Jambatan tersebut adalah seperti Jambatan Anduki, Jambatan Sungai Kayu Ara, Jambatan Kampung Sungai Taring, Jambatan Kampung Sungai Bakong dan Jambatan Kampung Sungai Tali.

Kaola mohon pihak berkenaan akan dapat mengambil perhatian terhadap Jambatan-Jambatan yang disebutkan. Terima kasih. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan tadi



mengenai jambatan-jambatan yang telah dibina sudah 30 tahun yang lalu. Ada beberapa buah jambatan di Daerah Belait dan masih lagi belum diubah suai untuk menampung keperluan buat masa ini.

Ini kaola mencatat sahaja perkara ini Yang Berhormat Pengerusi untuk diteliti kesesuaiannya dan yang pasti keperluan itu memang ada, hanya sama juga isunya dengan cadangan-cadangan lain yang nampaknya penting secara persendirian tetapi terpaksa dilihat berbanding dengan perkara-perkara yang perlu ditangani melalui bajet-bajet yang ada. Itu saja yang dapat kaola jawab. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Kaola ingin menyentuh Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya dan Perbelanjaan Kemajuan, Kod Akaun 1106/004 – Projek Jambatan Temburong. Lebih dahulu kaola mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala. Kerana sama-sama kita maklum dan sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Pembangunan juga menyentuh bahawa jalan penghubung antara Brunei Muara (ibu negara) dengan Daerah Temburong dijangka siap pada penghujung tahun 2019 yang akan datang ini.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dalam kesempatan yang mulia ini izinkan kaola menyembahkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang telah memperkenankan pembinaan jalan penghubung tersebut melalui Kementerian Pembangunan dan kementerian lainnya. Sudah tentunya dengan terbina jalan penghubung tersebut akan menjana perekonomian daerah berkenaan.

Sehubungan dengan itu, kaola sukacita menghadapkan soalan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan:

1. Apakah langkah-langkah dan Pelan Strategik yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian (perancangan pembangunan) yang hendak dibawa masuk ke Daerah Temburong? Jika ada, ingin tahu juga bentuk projek dan pelaksanaannya.

Pada hemat kaola, pembangunan tersebut hendaklah berkonsepkan mesra alam. Sebenarnya Daerah Temburong sangat-sangat mengharapkan pembangunan tersebut dan pada masa yang sama kita juga mengharapkan supaya khazanah negara yang terdapat tidak tercemar dan alam sekitarnya terpelihara agar nantinya generasi kita akan datang dapat menikmatinya;

2. Soalan kaola seterusnya ingin menyentuh Tajuk yang sama iaitu Jambatan Penghubung kedua Pekan

Bangar. Setakat ini hanya sebuah jambatan utama di Pekan Bangar yang menghubungkan jalan raya utama Pekan Bangar ke Labu.

Oleh yang demikian, dicadangkan bagi dibina sebuah lagi jambatan penghubung sebagai laluan alternatif jika berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini. Perkara ini merupakan satu kerisauan kepada penduduk Daerah Temburong jika sekiranya terjadi sesuatu kepada jambatan utama berkenaan; dan

3. Berikut kaola bercakap mengenai Kod Akaun 002/002 – Pengurusan Bekalan Air. Jika tidak silap, kaola telah mendengar dalam sesi taklimat Yang Berhormat Menteri Pembangunan ada menyentuh akan mengadakan sistem meter prabayar bagi bekalan air. Kaola ingin bertanya, bilakah rancangan tersebut akan dilaksanakan?

Mudah-mudahan dengan adanya sistem tersebut, akan dapat menyelesaikan isu hutang yang tertunggak dan pada masa yang sama dapat menambahkan pendapatan ekonomi negara. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas 3 soalan yang diajukan tadi.

1. Soalan pertama berhubung Jambatan Temburong, sudahkah kitani menyediakan Pelan Strategik yang seboleh-bolehnya berkonsep mesra alam. الْحَمْدُ لِلَّهِ sememangnya selaras dengan pemikiran di peringkat Kementerian Pembangunan, dan *district plan* bagi Daerah Temburong memang menekankan bahawa kitani akan meneruskan statusnya sebagai *green dual* untuk negara kitani. Walaupun ada beberapa projek yang akan berpindah ke sana umpamanya UNISSA, perkara-perkara ini tidak semestinya akan menjejaskan keadaan daerah itu sehingga ia seperti pembangunan di Bandar Seri Begawan dan proses pembangunannya berbeza daripada Bandar Seri Begawan.


Oleh yang demikian, *district plan* di Daerah Temburong memang begitu, penekanannya seboleh-bolehnya untuk mempertahankan statusnya yang hijau tersebut, الْحَمْدُ لِلَّهِ. Terima kasih atas soalan tadi itu.

2. Jambatan penghubung yang kedua di Pekan Bangar amat diperlukan. Ini kaola catat sahaja dahulu Yang Berhormat Pengerusi, untuk diteliti keutamaannya dan diambil maklum, ia dianggap penting oleh penduduk setempat di Pekan Bangar. Itu sahaja yang dapat kaola sampaikan.
3. Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat dan menyokong untuk kitani melaksanakan sistem meter prabayar bagi bekalan air. Pada

masa ini ia masih lagi di peringkat *assessment* dan jika dilaksanakan pun nanti, akan tertakluk kepada proses-proses *approval* tertentu. Prosesnya sudah *advanced* dan sudah ada meter yang telah dikenal pasti yang boleh digunakan untuk tujuan ini dan telah dipakai di negara-negara lain yang didapati penggunaannya *reliable*.

Walau bagaimanapun, pelaksanaannya belum dapat dikongsikan pada masa ini tetapi ia sedang giat difikirkan masa ini. Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya sekarang mempersilakan, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**  Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas mukadimah tadi. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan kerana telah meningkatkan taraf profesionalisme dalam kalangan warga kementerian melalui Program Pengurusan Sumber Tenaga Manusia yang terarah. Kaola berharap Kementerian Pembangunan akan sentiasa menjadi peneraju kepada kementerian yang lain dalam industri

pembinaan memandangkan pada masa ini segala pelaksanaan projek telah dikendalikan oleh pihak kementerian masing-masing.

Industri pembinaan merupakan industri yang tertua dan terbesar di Negara Brunei Darussalam. Banyak langkah telah pun dilaksanakan tambahan lagi dengan penubuhan Lembaga Profesional Arkitek, Jurutera dan Juruukur Bahan (*BAPEQS*) yang telah ditubuhkan pada tahun 2013 serta Akta-Akta yang giat dikuatkuasakan seperti *Professional Order, Building Control Order, 2015*.

Apakah langkah-langkah Kementerian Pembangunan memastikan bangunan yang berkesan dan berkualiti, peningkatan kemahiran tempatan dan pembangunan profesional dan memastikan kandungan tenaga kerja tempatan bagi kontraktor-kontraktor dan syarikat pembekalan? Kaola berharap polisi akan terus dipertingkatkan dan diperkemas dengan menekankan penglibatan perusahaan tempatan dan sumber tenaga tempatan dari segi profesional dan tenaga kerja.

Bagi pelaksanaan projek-projek kerajaan berbentuk penyediaan kemudahan-kemudahan awam yang *commercially viable* melalui kaedah *TPP*, kaola sangat menyokong hala tuju kementerian malah kebanyakan kementerian mempunyai hala tuju yang sama. Sejak 10 tahun kebelakangan ini kaola melihat banyak *expression of interest, competition, Private Public Partnership (PPP)* seperti *bill of transfer, bill list transfer, bill on operate* yang telah

yang telah pun dibukakan dan diiklankan oleh kementerian-kementerian. Dan pada tahun 2015 garis panduan *Private Public Partnership (PPP)* telah dikeluarkan oleh pihak JPKE, JPM menekankan dasar di bawah rangka strategi dan dasar untuk pembangunan *OSPD* bag tahun 2007 ke tahun 2017.

Yang membimbangkan belum terdapat dasar peraturan dan garis panduan yang terperinci diwujudkan. Kaola ingin memberi contoh antara *RFP* yang telah diiklankan iaitu pada tahun 2014, ada *RFP* bagi *investment proposal to design built operate dan transfer, commercial complex including public community facilities, The National Housing Scheme* di Kampung Lugu sampai sekarang ini belum ada ketetapannya, ini adalah pada tahun 2014.

Kaola ingin bertanya tahap apakah kejayaan pelaksanaan *Private Public Partnership (PPP)*, *your eye competition* seperti yang kaola sebutkan tadi.

Kaola berharap agar Kementerian Pembangunan akan dapat bergabung dengan kementerian-kementerian yang terlibat sebagai *technical partner*, untuk memastikan polisi, peraturan dan garis panduan terperinci dan ketelusan dalam semua aspek. Disarankan juga untuk melihat *world bank*, rangka kerja *procument* baharu yang di *issue* oleh *world bank* untuk melihat dasar dan memaksimumkan peranan strategik perolehan dalam mencapai matlamat keberkesanan pembangunan utama. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan tadi. Kalau dapat kaola menjawab soalan yang berhubung *Private Public Partnership (PPP)* dahulu. *Private Public Partnership (PPP)* bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan dari segi menentukan *guidelines*. Kementerian Pembangunan cuma memikirkan kaedah ini berdasarkan akan dipatuhi apa sahaja *guidelines* yang disediakan.

Kementerian Pembangunan cuma mengenal pasti mana-mana bidang kerjanya yang bersesuaian untuk difikirkan pelaksanaannya dengan kaedah *Private Public Partnership (PPP)* seperti yang saya sebutkan sudah perumahan antaranya mungkin *non-revenue (NRW)* untuk lebih berkesan dalam penanganan pembekalan air kita tidak banyak *wastage*. Peluang-peluang untuk *Private Public Partnership (PPP)*.

Dalam mengendalikan *Private Public Partnership (PPP)* itu memanglah akan dipatuhi apa sahaja peraturan, garis panduannya. Kementerian Pembangunan dapat menyumbang bagi mengukuhkan garis panduan yang memang Kementerian Pembangunan akan membuat sumbangan yang sedemikian *after all* kita bukannya bekerja sebagai *whole of government*, kita bekerja sebagai *whole of nation* jadi sumbangan itu akan dibuat.

Dari segi *Private Public Partnership (PPP)*, Kementerian Pembangunan telah mengenal pasti beberapa *area* yang sesuai *in fact* kerja-kerja awal sudah dibuat terutama berhubung dengan perumahan. Ada 2 dan 3 projek sebenarnya sudah mula berjalan dan sudah dipastikan akan mematuhi apa sahaja garis panduan yang terdapat pada masa ini.

Yang pertama tadi soalan berhubung dengan tahap profesionalisme pegawai-pegawai mengendalikan kerja-kerja untuk memastikan bahawa apa yang dilaksanakan itu cemerlang dan memuaskan. Untuk memastikan bahawa *locals* (orang-orang tempatan kita) sentiasa diberi keutamaan dalam apa jua yang kita buat. Ini memang tekanan seperti yang saya sudah disebutkan awal-awal tadi, ia tidak lari memang balik-balik kita menekankan. Kita mahu cemerlang dan saya sudah menyebut berapa ramai jua orang-orang kita sudah melalui kursus-kursus profesional, *Chartered, ICE, RIBA, RIC*.

Jadi *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dengan adanya mereka mendapat tauliah seperti ini, kita harap mereka akan dapat menyumbang dari segi kualiti, apa sahaja kerja-kerja yang mereka buat dan mereka ini adalah orang-orang Brunei sendiri.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola jawab, Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

**Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii:** Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi. *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ*

*السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ* dan salam sejahtera.

Lebih dahulu terima kasih atas taklimat yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Untuk petang ini kaola ada 3 soalan:-

1. Tajuk SK01A – Jabatan Kementerian Pembangunan, Kod Akaun 002/ dan Kod 002/009 - Merangka dan mengkaji kertas Dasar Kementerian Pembangunan dan Merangka dan Mengkaji semula Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2016 – 2020. Kaola ingin bertanya adakah pebelanjaan ini diperuntukkan sebagai *one-time cost* kerana pada masa perbelanjaan tahun 2016/2017 tidak ada dalam senarai perbelanjaan. Dalam hubungan itu, mungkin Kementerian Pembangunan dapat memberi penjelasan atas Perbelanjaan Kakitangan yang dalam Perbelanjaan Tahun 2017/2018;
2. Tajuk Kod Akaun 00/000 - Pengurusan Sumber Manusia dan Kod Akaun 002/003 – Menaik taraf Sistem IT, Pemantauan dan Penyelenggaraan Infrastruktur. Kaola pohon penjelasan tentang peningkatkan perbelanjaan untuk tahun 2017/2018; dan
4. Tajuk SK06A – Jabatan Tanah, Kod Akaun 002/000 - Transaksi Tanah. Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Tanah telah melancarkan perkhidmatan bagi permohonan Tanah Pendaftaran Sistem Makluman

(*LARIS*) pada 16 Februari 2016 untuk digunakan oleh orang ramai. Kaola ucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pembangunan, bahawa sistem *LARIS* diterima dengan sokongan yang positif oleh pihak swasta dan orang ramai dan telah meningkatkan taraf Brunei Darussalam dalam rangka *Ease Of Doing Business*.

Walau bagaimanapun, kaola memberi cadangan agar beberapa aspek proses dapat ditingkatkan supaya lebih berkesan dan selaras seperti untuk permohonan maklumat yang patut dimasukkan terus kepada sistem *LARIS* yang masa ini juga diminta oleh jabatan berkenaan sebagai permohonan *softcopy* yang *discan* dan dihantar melalui e-mel maksud kaola *duplication of process*.

Dalam senarai pindah milik untuk satu geran tanah yang terlibat lebih dari 2 orang pemilik atau pembeli prosesnya mengambil masa, kerana setiap orang perlu memohon secara individu walaupun cuma atas satu geran tanah. Adalah diharapkan bahawa sistem *LARIS* juga ada dalam cadangan Kementerian Pembangunan untuk menjadi sistem yang keseluruhan iaitu *end to end system* untuk permohonan proses tanah pada masa hadapan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii atas soalan-soalan tadi. Kaola memohon untuk menanggukkan menjawab soalan berhubung dengan *spending IT* yang menunjukkan peningkatan pada 2017 untuk kaola jawab kemudian bagi membolehkan kaola mendapatkan *detailsnya*.

Pelan Strategik kos yang dimaksudkan itu sebenarnya *mainly* untuk tujuan mengadakan *training workshops* dan perkara-perkara yang sedemikian berhubung dengan soalan yang pertama. Soalan yang ketiga ialah *LARIS (Land Application and Registration Information System)*. Ada cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat mengenai *areas* dapat dibuat pembaikan.

اللّٰهُمَّ terima kasih. Abiskoala sangat mengalu-alukan untuk bekerjasama dengan Yang Berhormat untuk memperbaiki lagi proses-proses yang sedia ada. Jadi, cadangan-cadangan itu amat dialu-alukan dan kalau boleh abiskoala akan menjemput Yang Berhormat untuk datang dan sama-sama meneliti lagi apa-apa *area* yang dapat kitani buat pembaikan. Terima kasih banyak atas cadangan-cadangan tersebut.

Itu sahaja barangkali buat pada masa ini Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji As'hari.

**Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji As'hari:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam sejahtera.

Merujuk kepada Tajuk SK08A, 004/001 - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Pihak kementerian ada menyebut dalam mukadimah tadi pagi mengenai perancangan mengumpul sampah dari rumah ke rumah secara berperingkat dengan bantuan syarikat swasta. Kaola ingin mengetahui sekiranya perancangan ini akan memastikan orang ramai akan dapat mengasingkan sampah yang dapat dikitar semula untuk dikumpul oleh syarikat kitar semula seperti mana yang dibuat di negara lain. Ini boleh mengurangkan beban kerajaan dalam memproses sampah biasa yang semakin meningkat.

Menyebut tentang pengumpulan sisa pepejal di bawah kod yang sama. Dalam buku panduan yang diagihkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi ada dinyatakan bahawa tapak pelupusan atau *land field* di Sungai Paku dianggar akan penuh digunakan pada tahun 2025 iaitu 8 tahun lagi. Apakah perancangan pihak kementerian selepas tapak tersebut tidak lagi dapat digunakan?

Yang terakhir sekali, bagi Tajuk SK08A, 005/001. Kaola ingin mencadangkan pihak kementerian bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan kebiasaan mengitar semula, kerana sekolah-sekolah boleh

menjadi satu *platform* yang efektif dalam mengajar dan melatih masyarakat untuk mengitar semula. Di samping dijadikan hasil pendapatan bagi sekolah.

Sebagai contoh sebuah sekolah boleh mendapat \$100.00 dengan mengitar semula selama 2 bulan. Walaupun ia jumlah yang sedikit tetapi jika dikumpul dan dijadikan aktiviti biasa di sekolah, jumlahnya akan dapat membantu mengurangkan beban sekolah tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih pada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji As'har atas soalan-soalan tadi.

Berhubung dengan apa yang saya sentuh sewaktu menyampaikan mukadimah tadi bahawa akan dilartkan penswastaan pembuangan sampah. Jadi pada masa ini *basic* sahaja dan belum lagi ada perancangan yang *definite* dari segi kitar semula. Tetapi seperti yang kitani bincangkan semasa muzakarah, kita perlu memastikan kalau kitani menyediakan tong-tong sampah untuk plastik, kertas dan botol perkara ini sampai ke proses terakhirnya akan terus *separated*. Tidak diasingkan walaupun sudah disediakan *collection pointnya* tetapi selepas itu dicampur semula. Perkara ini yang sudah pernah terjadi. Kitani mengasingkan sampah-sampah tersebut tetapi apabila syarikat swasta memutik sampah tersebut akan dicampur semula. Pada masa ini kita

memikirkan semula *solutiomya* itu adalah *end to end*.

Bukannya kitani untuk rasa selesa semasa membuang sampah tersebut. Tetapi sebenarnya kitani mengetahui bahawa barang ini memang dikitar semula sampai *towards the end* dan kalau botol tidak dikitar semula tetapi dibuang ke *landfill* juga akhirnya. Itulah yang sedang difikirkan buat masa ini. Jadi jawapan ringkasnya masih lagi perkara ini sedang di peringkat pemikiran tetapi memang diakui kitar semula amat-amat diperlukan apa lagi kitani punya *production* of sampah dari segi perkapita adalah yang tertinggi di rantau Asia. Jadi sesuatu perlu kitani buat untuk menangani perkara ini.

Soalan mengenai Sungai Paku *Engineered Landfill* mungkin penuh pada tahun 2025 jadi apakah rancangan selanjutnya *beyond 2025*. Perkara ini kaola akui belum ada spesifik perancangan pada masa ini Yang Berhormat Pengerusi. Walaupun 2025 itu 9 tahun *away* tetapi tidak panjang masa tersebut dan memang perlu kitani memikirkan *what's happen beyond that*. Banyak lagi cara-cara lain yang boleh kitani gunakan untuk menangani sampah kitani. Adakah *waste to energy*. Tetapi pada peringkat ini belum ada yang spesifik yang dapat dikongsikan.

Mengenai bekerjasama dengan Yang Berhormat untuk kitani menjalankan inisiatif-inisiatif melibatkan sekolah-sekolah untuk tujuan kitar semula amat kaola alu-alukan Yang Berhormat Pengerusi. Jadi kitani akan mulakan

sedikit masa lagi ataupun serta-merta dan perkara ini amat dialu-alukan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyuarakan soalan-soalan mengenai dengan Rang Belanjawan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan dibawahnya. Walau bagaimanapun, nampaknya Yang Berhormat Menteri Pembangunan masih lagi ada mempunyai beberapa soalan yang suka untuk dijawabnya dan ia telah pun meminta waktu untuk berunding dengan pegawai-pegawainya barangkali bagi membolehkan ia untuk mengemukakan jawapan-jawapannya.

Maka saya tangguhkan Mesyuarat ini dahulu selama 20 minit dan kita akan bersidang semula kemudian nanti.

**(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)**

**(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula untuk menyambung perbincangan dan perbahasan mengenai dengan Tajuk Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sebentar tadi, sebelum Mesyuarat Jawatankuasa ini kita ditangguhkan, saya telah berjanji untuk memberikan kesempatan bagi Yang Berhormat Menteri Pembangunan



untuk memberikan penjelasan atau jawapan atas soalan-soalan yang telah ditimbulkan yang belum sempat dijawabnya.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menjawab dua soalan yang belum kaola jawab tadi daripada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Berhubung dengan peruntukan *IT* yang meningkat. Pegawai abiskaola ada membuat penyiasatan apa sebab-sebabnya perkara ini meningkat ialah oleh sebab kebanyakan sistem yang ada di kementerian sudah lama Yang Berhormat Pengerusi, jadi, keperluan untuk menaik taraf dan memelihara adalah semakin mendesak masa ini.

Banyak jabatan menggunakan sistem sekarang ini untuk mempercepatkan proses kerja. Tidak lagi secara manual. Ini pun menambah dan menyumbang kepada peningkatan, sebagai misalannya telah dikongsikan di sini mengenai sistem LARIS Yang Berhormat Pengerusi. Ini sistem baharu. Memanglah satu sistem yang telah *di-procure* dan selepas itu memerlukan pemeliharaan dan satu lagi sebab mengapa meningkatnya bajet *IT* itu ialah *life spend* untuk *IT* itu ialah 3,4,5 tahun. Itu perlu di *upgrade* dan pada tahun yang dimaksudkan ini, 2017 ini bertembung jua keperluan untuk membaharui lesen-lesen Yang Berhormat Pengerusi.

Sekarang ini, lesen ini, sudah bukan seperti dulu dapat dipakai sahaja *software* tetapi sekarang ini, perlu diperbaharui setiap tahun lesen itu dan dengan lebih banyak penggunaannya, naik sistem *IT* lebih tinggi keperluan untuk pembiayaan pemeliharaan sistem *IT* kita. Itu jawapan untuk soalan berhubung dengan peningkatan *IT*.

Seterusnya kaola ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Nik Hafimi binti Abdul Haadi berhubung dengan LARIS. Kaola ingin menjelaskan bahawa tujuan asal LARIS dalam *Land Management System* memang untuk *end to end process* tapi pelaksanaan projek masa ini belum lagi sepenuhnya Yang Berhormat Pengerusi. Masih lagi *on going* untuk melaksanakan sepenuhnya sistem ini dan penggunaannya setakat ini hanya melibatkan Jabatan Tanah dengan Kementerian Pembangunan dan bagi fasa seterusnya kemudian akan merangkumi semua agensi yang terlibat lebih menyeluruh. Itulah apa yang ingin dicapai melalui penggunaan sistem *IT* Yang Berhormat Pengerusi. Masa ini belum lagi berjalan sepenuhnya.

Seterusnya kaola ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman. Tadi kaola jawab macam tidak terlalu *direct*. Ini ada jawapan yang disediakan oleh pegawai-pegawai abis kaola.

Soalan tadi apakah langkah-langkah Kementerian Pembangunan untuk

memastikan Kementerian Pembangunan yang berkesan dan berkualiti dengan kemahiran tempatan dan pembangunan profesional dan memastikan kandungan tenaga kerja tempatan bagi kontraktor-kontraktor dan syarikat pembekal.

Dari segi pendaftaran kontraktor dan pembekal di Kementerian Pembangunan telah mengenakan kadar minimum penglibatan rakyat Melayu Brunei mengikut kelas pendaftaran. Pihak MOD juga berkerjasama dengan *EIDPMO* mengenai dengan yang *local business development* dalam industri pembinaan. Mengenai kandungan pekerja tempatan dalam kontraktor dan pembekal pihak *MOD* sedang bekerjasama dengan pihak *EIDPMO* juga dalam melaksanakan *Industry Competency Framework* dalam Industri Pembinaan.

Seterusnya kaola ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis. Ini berhubung dengan membina jambatan dari Kampong Menunggol dan Kampong Putat. Penelitian dibuat semula dan diteruskan sehingga hasilnya mencapai apa yang dihasratkan dan perkhidmatan feri diadakan sebelum jambatan dibina.

Mengenai jambatan yang dipohonkan seperti jawapan kaola awal tadi. Ini memanglah dilihat daripada keutamanya berbanding dengan keutamaan lain dan diambil maklum jua akan permintaan ini.

Mengenai Jambatan Bangar sedang dalam kajian *feasibility study* masa ini. Pelaksanaannya bergantung pada

keutamaan berbanding projek lain. Sementara itu, perkhidmatan feri perkara ini perlulah diselaraskan dengan Kementerian Perhubungan dan Jabatan Laut kerana ia memang melibatkan sektor marine, tapi yang lebih penting lagi jua bukan saja prosesnya tapi untuk memastikan bahawa perkara ini adalah *feasible* untuk kita laksanakan jadi daripada *commercial viability* nya perlu jua dilihat Yang Berhormat Pengerusi.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi perkara-perkara yang belum sempat kaola jawab tadi yang dapat kaola jawab sekarang ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلْسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola ingin memberi jawapan ataupun merespons kepada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, mengenai program kitar semula di sekolah-sekolah Yang Berhormat Pengerusi.

Perkara ini telah ditimbulkan jua semasa membincangkan peruntukan bagi Kementerian Pendidikan yang kaola mungkin tidak dapat menjawab dengan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, ingin kaola menerangkan bahawa program kitar semula sememangnya dijalankan di sebahagian

sekolah di negara ini sebagai aktiviti kegiatan luar bagi mendidik dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga alam sekitar dalam kalangan warga sekolah. Beberapa inisiatif berkaitan dengan isu kitar semula telah dijalankan oleh berbagai-bagai agensi yang melibatkan pelajar-pelajar dan guru-guru sekolah.

Salah satu contoh ialah bengkel yang diungkayahkan oleh Pusat Kerjasama Sains Teknologi Alam Sekitar (*STEP*) Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Sekolah Antarabangsa Jerudong bertajuk *Cleaning Our Schools Brunei Youth Environment Educations Workshops*. Salah satu tajuk perbincangan semasa bengkel ialah mengenai kitar semula (*recycling*).

Panduan untuk menilai status sekolah sebelum memulakan program kitar semula ada terkandung dalam buku panduan bertajuk *Guide Book for Initiating Green School In Brunei Darussalam* yang disediakan oleh Pusat Kerjasama Sains Teknologi dan Alam Sekitar (*STEP*), Kementerian Pendidikan. Pada masa yang sama Kementerian Pendidikan juga mengambil maklum mengenai cabaran yang dilaporkan oleh sebahagian sekolah yang menjalankan program kitar semula ini termasuk jumlah syarikat yang mengutip bahan-bahan terbuang untuk dikitar semula adalah kecil. Syarikat pengutip bahan tersebut hanya mengutip dalam kawasan terhad. Pada masa ini, syarikat pengutipnya yang lazimnya dilantik sekolah hanya mengutip sebahagian jenis bahan terbuang untuk

dikitar semula dan juga dengan harga yang lebih murah jika dibandingkan dengan beberapa tahun yang lalu.

Walau apapun cabarannya, ini tertakluk kepada perancangan dan ikhtiar sekolah dalam menjalankan aktiviti kitar semula di sekolah masing-masing dalam sama-sama bertanggungjawab merealisasikan hasrat menjadikan Negara Brunei Darussalam negara yang bersih dan mapan.

Adalah diambil maklum bahawa sekolah boleh menjana pendapatan dengan menjual terus bahan terbuang kepada syarikat pengutip dan sebagainya telah menggunakan bahan-bahan berkenaan untuk dijadikan bahan kraf tangan yang boleh dijual dengan harga yang lebih tinggi. Pihak kementerian akan terus dan amat menggalakkan sekolah-sekolah menjalankan program Pendidikan Alam Sekitar termasuklah Program Kitar Semula dan seterusnya menjadi Sekolah Hijau atau *Sustainable School Eco-System*.

Sebagai kesinambungannya, sekolah-sekolah terlibat berpeluang mewakili negara dan mendapat pengiktirafan di peringkat serantau seperti anugerah *ASEAN Eco School*. Sejauh ini 2 buah sekolah menengah dan 2 buah sekolah rendah Negara Brunei Darussalam telah mendapat pengiktirafan tersebut.

Memandangkan isu alam sekitar adalah perkara yang perlu ditangani bersama maka pihak Kementerian Pendidikan mengalu-alukan penglibatan berbagai-bagai jabatan dari Kementerian-

kementerian lain, syarikat-syarikat atau pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan bagi sama-sama mendukung Program Kitar Semula di sekolah-sekolah. Kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Khairunnissa binti Awang Haji Ash'ari yang menengahkan isu kitar semula ini. Beliau sebenarnya adalah *co-founder Green Brunei* iaitu sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang aktif menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan alam sekitar. Kita bukan sahaja berterima kasih kerana menimbulkan perkara tersebut tetapi berterima kasih Yang Berhormat kerana telah pun aktif dalam bahagian ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Adakah Yang Berhormat Menteri Perhubungan suka untuk menambah?

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya kaola tidak ada apa-apa yang ingin kaola tambah berhubung dengan mengadakan perkhidmatan jeti.

Walau bagaimanapun, kalau sekiranya ada pihak-pihak yang tertentu yang berhajat untuk menghulurkan perkhidmatan tersebut banyak faktor yang melibatkan Kementerian Perhubungan khususnya penyediaan jeti-jeti yang harus menurut piawai yang ada untuk memastikan keselamatan orang ramai. Juga jeti-jeti berkenaan juga harus didaftarkan di Jabatan Laut. Memastikan ia *in*

*compliance* dengan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa pada ketika ini.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Soalan-soalan akan kita tangguhkan bagi Kementerian Perhubungan mempertimbangkan Belanjawan Kementerian Perhubungan nanti. Terima kasih juga kita diberikan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas penerangan-penerangan yang diberikan tadi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan mengenai soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Maka sekarang, saya ingin mencadangkan supaya Belanjawan Kementerian Pembangunan ini kita undi sebelum ia dapat diluluskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya kita meluluskan Rang Belanjawan Kementerian Pembangunan ini, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Nampaknya semua Ahli bersetuju dan tidak ada yang menentang. Maka Belanjawan Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Maka saya ingin menangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Rabu, 15 Mac 2017, pukul 9.00 pagi, sekian,

وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**